

Boeing Sertai Lembaga AS Sebagai Penasihat Teknikal Kesan MH370 Yang Hilang
Bernama
11 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Boeing telah menyertai pasukan Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan Amerika Syarikat sebagai penasihat teknikal.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan dari Seattle, pembuat pesawat itu berkata pasukan itu ditempatkan di rantau ini untuk menawarkan bantuan.

Boeing berkata ia terus menawarkan buah fikiran dan amat prihatin terhadap keluarga mereka yang berada dalam Penerbangan 370 Malaysia Airlines, yang hilang pada 8 Mac lepas.

Malaysia Airlines mengesahkan penerbangan yang membawa 227 penumpang dari Kuala Lumpur ke Beijing itu terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Lalu Lintas Udara Subang pada pukul 2.40 pagi Sabtu.

Pesawat yang turut membawa 12 anak kapal itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada pukul 12.41 pagi dan dijadualkan mendarat di Beijing pada pukul 6.30 pagi hari yang sama.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020952>